



# MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

## TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

## SEMPENA

MAJLIS ANGKAT SUMPAH  
PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS BARU  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
2020

## OLEH

YANG BERHORMAT TUAN JAGDEEP SINGH DEO A/L  
KARPAL SINGH

**AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG  
MERANGKAP PENGERUSI JAWATANKUASA PERUMAHAN,  
KERAJAAN TEMPATAN DAN PERANCANGAN BANDAR & DESA**

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**3 SEPTEMBER 2020 (KHAMIS)**  
**9.30 PAGI**

**DEWAN KENANGA  
MENARA MPSP  
BANDAR PERDA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Penggerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa

**Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang**

**Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen Negeri Pulau Pinang**

**Yang Berhormat ADUN-ADUN Negeri Pulau Pinang**

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berbahagia Dato' Ar Yew Tung Seang**

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang

**Yang Berusaha Dato' Ir Addnan bin Mohd. Razali**

Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Pulau Pinang

**Yang Berusaha Puan Nur'Aishah bt Md Norodin**

Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Kerajaan Tempatan

**Yang Berusaha Ir Hajah Rosnani Binti Mahmod**

Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan**

Kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan - rakan Media**

**Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdullillah bersyukur kita ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurnianya dapat juga kita berkumpul pada pagi yang bersejarah ini bersempena Majlis Angkat Sumpah dan Penerimaan Jawatan Ahli Majlis yang baharu bagi tahun 2020. Saya selaku Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) mewakili seluruh warga kerja MBSP ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada YB EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Barisan EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang, YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ahli-Ahli Parlimen dan ADUN, YBhg. Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Setiausaha Bandaraya, Ketua Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Kerajaan Tempatan, Setiausaha Majlis Bandaraya Seberang Perai, Ketua-Ketua Jabatan, rakan-rakan media dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan Majlis pada pagi ini.

**YB Dato', YB Ahli Parlimen, YB ADUN, YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada dua (2) orang Ahli Majlis yang baru dilantik iaitu Encik Ngoh Cheng Hai dan Puan Rohayah Binti Zakaria. Selamat datang ke MBSP dan diharapkan kerjasama yang erat dapat dipupuk bagi memberikan

penyampaian perkhidmatan yang lebih cemerlang kepada rakyat seterusnya menjadikan Seberang Perai Bandar Aspirasi Masa Hadapan.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas sumbangan yang telah diberikan oleh Matan Ahli Majlis Encik A'ziss Bin Zainal Abiddin dan Mantan Ahli Majlis Puan Marshidaliza binti Marzuki diatas sumbangan yang telah mereka berikan semasa menjadi Ahli Majlis MBSP semenjak 2 Julai 2018 hingga 31 Ogos 2020.

MBSP mempunyai visi dan misi yang jelas.

**“ Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu Oleh Teknologi “.**

Misi MBSP pula ialah

**“ Menyediakan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti Seberang Perai “.**

Justeru, bagi merealisasi wawasan yang agong ini, MBSP menetapkan tiga(3) sasaran korporat.

1. Bandar Raya Rendah Karbon tahun 2022
2. Bandar Raya Neutral Karbon 2030

### 3. Bandar Raya Sifar Karbon 2050

MBSP juga komited bersama bandaraya-bandaraya besar di dunia untuk menanggani perubahan cuaca supaya dapat menghadkan pemanasan global 1.5 degee celcius.

Manakala ukuran pencapaian atau KPI adalah :-

- i. Peningkatan 70% kadar kitar semula.
- ii. Pengurangan sisa 50% perkapita iaitu 1.6kg perkapita kepada 0.8kg perkapita.
- iii. Pengurangan pelepasan gas rumah hijau(GHG) daripada 8.0 tons CO<sub>2</sub>e kepada 4.0 tons CO<sub>2</sub>e.
- iv. 15% penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui (RE).
- v. 100% lampu jalan LED.
- vi. CBD bagi setiap daerah berkonsepkan TOD.

### **Outcome**

- a) *Smart Sustainable City* yang menjadi Aspirasi Bandar Raya Masa Hadapan.
- b) Bandaraya Seberang Perai seiring dengan Penang 2030 “*A Family Focused Green and Smart State That Inspire The Nation*” .

- c) Bandaraya berteraskan pembangunan rendah karbon; berdaya tahan; inklusif dan saksama.
- d) Bandaraya yang kompetitif.
- e) Bandaraya yang pintar berpaksikan rakyat.

## **KEUTAMAAN KORPORAT**

- Meningkatkan kualiti hidup rakyat.
- Mitigasi banjir
- Penyuraian trafik
- *Payment gateway*
- Perkhidmatan kaunter yang cekap
- Keselamatan.

## **KEBAIKAN KEPADA RAKYAT**

- i. *Cyber Counter* iaitu 100 perkhidmatan yang disediakan di Kaunter Berpusat MBSP juga disediakan di dalam *Cyber Counter*. Jika seseorang menggunakan *Cyber Counter*, ia seolah-olah pelanggan datang berurusan di Kaunter Berpusat MBSP kerana semua perkhidmatan yang disediakan di Kaunter Berpusat disediakan secara atas talian. MBSP telah menyediakan info grafik menerangkan langkah-langkah mudah untuk membantu pengguna di dalam urusan

*Cyber Counter*. Bagi memberi pendedahan dan pendidikan kepada orang ramai, MBSP mengambil inisiatif menyediakan ‘*Cyber Counter Corner*’ di mana beberapa buah komputer disediakan dan juga pegawai khidmat pelanggan yang akan mengajar cara penggunaan Perkhidmatan di dalam *Cyber Counter* kepada pelanggan. Dengan cara ini, pelanggan akan mempunyai pengalaman ‘*hands on*’ dan seterusnya boleh menggunakan Perkhidmatan cyber counter di rumah masingmasing. *Cyber Counter Corner* ini adalah inisiatif MBSP sebagai pembiasaan kepada pelanggan supaya menggunakan Perkhidmatan *Cyber Counter*.

- ii. Pembangunan *Butterworth Digital Library* adalah usaha Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) selaras dengan Visi *Penang2030*. Perpustakaan Digital Butterworth dibangunkan di Bangunan Dewan Ria milik MBSP dengan anggaran keluasan 20,000 kaki persegi dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan memperuntukkan kos berjumlah RM4.6 juta manakala pihak Think City Sdn. Bhd. telah membiayai kos pelantikan perunding dengan anggaran kos berjumlah RM500,000.00. Bangunan Dewan Ria ini dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan yang sesuai kepada semua peringkat umur dan kemudahan ini adalah percuma serta boleh digunakan pada bila-bila masa. Terdapat

perpustakaan digital, balai komuniti, ruang untuk sukan dalaman (*indoor games*) dan kafeteria. Pemilihan kawasan Bangunan Dewan Ria bagi Perpustakaan Digital Butterworth ini adalah salah satu daripada empat (4) pembangunan yang dirancang di kawasan ini. Ini adalah merupakan usaha dan komitmen MBSP dan Think City dalam meningkatkan kualiti kehidupan di Butterworth dan untuk menjadikan Butterworth sebuah bandar yang boleh ditandingi.

- iii. Sistem Amaran Paras Air Kawalan Banjir (SPARK) mengaplikasikan *Internet of Things(IOT)*, ianya berfungsi untuk mengesan ketinggian paras air melalui *ultrasonic sensor* dan menghantar maklumat melalui peranti GSM (*sim card*) ke server. Server akan memproses data dan menghantar maklumat kenaikan paras air melalui SMS kepada pegawai bertugas (PIC).
- iv. Pada tahun 2020, sistem CCTV MBSP dilengkapi dengan video analitik yang berupaya untuk melaksanakan pengiraan isipadu kenderaan, pengecaman kenderaan, pengecaman no plat kenderaan, mengesan pembuangan sampah haram, mengesan kenderaan yang diparkir di kawasan larangan. Kos keseluruhan untuk naiktarafl ini adalah sebanyak RM5,000,000.00 yang dibayar secara bulanan selama 24 bulan. Jumlah CCTV berada di bawah penyelenggaraan MBSP adalah sebanyak 242 unit.

- v. *Smart Traffic Analytics & Recognition System – STARS* oleh TM one smart services untuk alat kawalan lampu isyarat menggunakan teknologi IoT. Sebanyak 100 persimpangan lampu isyarat di seluruh Seberang Perai telah dipasang sistem ini untuk Fasa.
- vi. Pemasangan *green wave* di persimpangan Jalan Bukit Tambun, Jalan Bukit Minyak dan Autocity menggunakan signal dan *radio frequency* (rf). Bagi meningkatkan kelancaran aliran lalulintas dikawasan-kawasan tersebut, MBSP telah melaksanakan pelaksanaan *greenwave* di persimpangan-persimpangan berlampaui syarat tersebut dengan memastikan siri lampu isyarat diselaraskan bagi memastikan pergerakan aliran lalu lintas yang tinggi mendapat aliran lalu lintas berterusan sehingga beberapa persimpangan dalam satu atau dua arah utama.
- vii. Dalam mencorak perkhidmatan tanpa tunai, MBSP telah menerima pelawaan daripada syarikat Axiata untuk melaksanakan pembayaran Cukai Taksiran melalui perkhidmatan *Boost*. Dengan pertambahan perkhidmatan ini, pengguna akan dibenarkan untuk membuat bayaran kepada MBSP melalui tunai, Kad Kredit, FPX dan e-Wallet Boost.

viii. Projek perintis *Smart Bus Stop* ini merupakan hasil kerjasama antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang, MBSP, Syarikat Edotco (M) Sdn. Bhd., PDRM dan Rapid Penang. Smart Bus Stop ini dilengkapi ciri-ciri keselamatan berteknologi tinggi seperti CCTV dan *Panic Button* yang dihubungkan terus kepada pusat kawalan PDRM. Selain itu, ia juga turut dilengkapi dengan Solar Panel, Wifi, Charging Pod dan Digital Advertising Panel.

**YB Dato', YB Ahli Parlimen, YB ADUN, YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Tahun 2020 merupakan tahun yang penuh dengan cabaran yang tidak akan kita lupakan iaitu dunia digegarkan dengan Pandemik Covid 19. Kerjasama dan sokongan Ahli Majlis di dalam membantu MBSP melaksanakan garis panduan dan prosedur baru sepanjang PKP, PKPD dan PKPP amatlah saya hargai. Bermula 18 Mac 2020 sehingga kini, MBSP telah melaksanakan pemantauan ke atas 471,226 buah premis dan MBSP telah mencapai pematuhan umum PKPP iaitu 99.32% sehingga 27 Ogos 2020.

Tahap pematuhan pasar pagi, pasar malam, bazaar, uptown adalah sebanyak 86.98% (215 pasar/bazaar/uptown), pematuhan rumah urut ialah 80.95% (39 buah) dan pematuhan bagi kedai gunting rambut ialah 89%

(146 premis). Pemeriksaan oleh penguatkuasa Covid 19 MBSP menunjukkan pematuhan pemakaian pelitup muka pengunjung dan peniaga di pasar-pasar awam yang menjadi tumpuan mencapai 100%. Tanpa sokongan Ahli Majlis, rakyat dan wira Oren MBSP juga, kita tidak dapat melawan wabak ini. Syabas dan tahniah buat semua.

Saya amat menghargai segala susah payah dan usaha semua Ahli-Ahli Majlis MBSP dalam menunjukkan menunjukkan semangat kerjasama diantara pihak pengurusan MBSP, Ahli Majlis dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta kualiti dalaman yang sentiasa prihatin dengan kesusahan rakyat. Saya berharap agar usaha sebegini dapat diteruskan lagi walaupun tidak menjadi Ahli Majlis lagi. MBSP sentiasa memerlukan pandangan, cadangan untuk penambahbaikan perkhidmatan. Saya sentiasa mengalukan cadangan dan pandangan daripada pihak tuan-tuan dan puan-puan.

**YB Dato', YB Ahli Parlimen, YB ADUN, YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

MBSP juga telah mengambil langkah prihatin bagi penduduk Seberang Perai agar dapat menjana ekonomi mereka secepat mungkin. Di Antaranya:

- Mengeluarkan lesen serta merta setelah menerima permohonan lengkap bagi permohonan lesen premis dan iklan (Tidak berisiko), lesen penjaja dan lesen veterinar.
- Membantu pengilang dan lesen industri dengan mengeluarkan lesen bertempoh kepada lesen perniagaan yang tidak mendapat sokongan semua jabatan teknikal dan tertakluk kepada syarat-syarat teknikal tertentu serta dikenakan kadar bayaran dua kali ganda daripada kadar asal.
- Membuat Promosi cukai Taksiran Penggal Kedua 2020 khas bagi pembayaran secara online, melalui agensi kutipan dan kiosk paylink serta hadiah cabutan bertuah adalah berupa tunai. MBSP merasakan bahawa hadiah berupa tunai lebih diperlukan di ketika situasi sekarang ini. Hadiah yang akan diberikan sangat lumayan dimana tempat pertama ialah wang tunai RM7000, kedua RM5000, ke tiga RM3000, ke empat RM2000 dan ke lima RM1000.

**YB Dato', YB Ahli Parlimen, YB ADUN, YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Saya ingin menyatakan di sini buat semua Ahli-Ahli Majlis 2020, Ketua-Ketua Jabatan dan seluruh kakitangan MBSP agar kita hendaklah membuat satu transformasi bekerja. MBSP perlu bergerak dalam satu pasukan dan akan sentiasa meletakkan kehendak warga Seberang Perai di hadapan.

*Way forward*, MBSP sedang mengkaji dan menerokai program-program yang dapat membantu ekonomi penduduk Seberang Perai melalui penerokaan *circular economy*. Dengan meletakkan Pendekatan 7Ps (**People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet dan Partnership**), saya yakin MBSP dapat bingkas bangun dari keperitan serangan covid19.

**Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh dan terima kasih.**